

NO. SOALAN : 30

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN
[SEPANG]**

TARIKH : 23 MAC 2017

SOALAN :

**YB. Tuan Mohamed Hanipa Maidin [Sepang] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:**

- (a) adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk memajukan Kg Batu Laut di Sepang sebagai destinasi pelancongan; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mempopularkan kejohanan sukan perahu layar antarabangsa di Kg. Batu Laut.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM7.51 juta di bawah *Second Rolling Plan*, Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe11) bagi Negeri Selangor yang merangkumi pelbagai program pelancongan seperti Pembangunan Eko-Tourism, Homestay/Inap Desa dan Penyediaan / Peningkatan Kemudahan Pelancongan.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebuah homestay di Batu Laut iaitu Homestay Batu Laut. Dibawah RMKe-10 homestay ini telah diperuntukkan sejumlah RM 235,000.00 bagi melengkapkan fasiliti yang terdapat di homestay tersebut. Skop yang terlibat adalah membina sebuah dewan terbuka serbaguna bagi tujuan kegunaan para pengunjung terutama peminat sukan perahu layar.

Pelbagai aktiviti diadakan dengan kerjasama Homestay Batu Laut iaitu:

- i. Program berbasikal bersama pihak media dan badan-badan NGO pada bulan April 2016 yang disertai seramai 160 peserta;
- ii. Program Strategi Lautan Biru (NBOS) bersama Kelab Pelancongan Pelajar bagi membersihkan kawasan pantai pada bulan Mei hingga Oktober 2015 yang disertai seramai 120 pelajar; dan

- iii. Lawatan suaikenal (FAM Tour) bersama yang melibatkan media tempatan seramai 38 media bagi memperkenalkan produk baru di daerah Sepang termasuk kawasan Batu Laut pada bulan Mac 2016.

Perancangan Kementerian dalam memajukan Daerah Sepang adalah dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor melalui Tourism Selangor Sdn. Bhd (TSSB) dalam mempromosikan aktiviti-aktiviti pelancongan di Daerah Sepang serta bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mempromosikan pelancongan di Daerah Sepang.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain promosi melalui TSSB, sukan perahu layar juga dipromosikan melalui program Homestay. Pengunjung ke homestay Batu Laut di beri pilihan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan perahu layar jika mereka berminat dan di samping itu, memperkenalkan budaya masyarakat Malaysia kepada pelancong asing.

Sekian, terima kasih.